

12/06/2001

Bersih, tidak kontroversi (HL)

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan melantik seorang yang tahu mengenai kewangan, bersih dan tidak kontroversi sebagai Menteri Kewangan baru bagi menggantikan Tun Daim Zainuddin.

Sambil menyatakan beliau belum lagi membuat keputusan mengenai pelantikan itu, Perdana Menteri berkata, calon yang akan dilantik itu juga tidak semestinya ahli politik.

"Dia boleh jadi seorang ahli politik atau bukan ahli politik. Saya tidak tahu. Saya ingin memberi diri saya kebebasan untuk membuat keputusan terhadap sesuatu yang saya rasa amat penting bagi kita," katanya kepada pemberita di Menara Petronas, di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai kedudukan jawatan Menteri Kewangan berikutan keputusan Daim melepaskan semua jawatan dalam kerajaan dan parti itu pada 1 Jun lalu selepas bercuti selama dua bulan.

Dr Mahathir kini memangku jawatan Menteri Kewangan dan Menteri Tugas-Tugas Khas yang dikosongkan Daim.

Terdahulu, Perdana Menteri melancarkan buku mengenai sejarah 25 tahun penubuhan Petronas bertajuk 'A Vision Realised: The Transformation Of A National Oil Corporation' tulisan Datuk Paddy Bowie.

Hadir sama ialah Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Ditanya apakah beliau berhasrat meneruskan tugas Menteri Kewangan, Dr Mahathir berkata, beliau sedang berusaha melakukan yang terbaik kerana semua jawatan yang disandang beliau adalah berat.

"Tugas Perdana Menteri amat berat, begitu juga tugas Menteri Kewangan. Saya sedang mencari jalan untuk melaksanakannya sehingga saya mendapat seorang Menteri Kewangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, ramai calon yang sedang dipertimbangkan untuk jawatan Menteri Kewangan itu, tetapi pada masa ini beliau belum menyenaraipendekkan mereka.

Perdana Menteri juga berkata, beliau akan mempertimbangkan segala kemungkinan, termasuk melantik Menteri Kewangan Kedua seperti yang pernah dilakukan dulu.

Ditanya bilakah beliau akan membuat keputusan, Dr Mahathir berkata, beliau perlu membuat pertimbangan dengan teliti kerana pelantikan itu adalah sesuatu yang serius.

"Saya tidak boleh memberikan jawatan itu kepada sebarang orang. Saya perlukan masa untuk membuat pertimbangan," katanya.

Ditanya apakah Menteri Kewangan baru itu juga akan menjadi Bendahari Umno, Dr Mahathir berkata segala-galanya mungkin pada masa ini.

"Saya bersikap terbuka," katanya sambil menambah Perhimpunan Agung Umno yang akan bermula pada 20 Jun ini bukan tarikh sasaran bagi pelantikan Menteri Kewangan baru.

Dr Mahathir yang turut memangku jawatan Bendahari Umno berkata, beliau akan mendapatkan bantuan Daim apabila beliau membentangkan kira-kira parti pada perhimpunan itu.

Perdana Menteri turut menolak spekulasi bahawa Daim melepaskan jawatan kerana wujud perbezaan pendapat dan pergeseran dengan beliau dan menyatakan bahawa beliau dan Daim bersahabat baik.

"Saya rasa ia perpisahan yang mesra. Mungkin beliau (Daim) merasakan sebilangan orang tidak menghargai apa yang beliau lakukan dan merasakan sudah tiba masanya bagi beliau meninggalkan kerajaan," katanya.

Mengenai laporan media bahawa rumah Daim digeledah pihak berkuasa

beberapa hari selepas beliau meletakkan jawatan, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu menahu mengenai perkara itu.

"Saya tidak tahu sama ada pihak yang melakukannya. Apa yang nyata saya tidak tahu mengenainya," katanya.

(END)